



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMBARA PERPADUAN MALAYSIA MADANI :**  
**PROGRAM GALERI UNITI**

**10 MAC 2023, WANGSA MAJU** – Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang telah hadir menyempurnakan Program Galeri Uniti di Aeon Alpha Angle, Wangsa Maju. Program yang telah memasuki edisi kelima sejak penganjurannya adalah merupakan salah satu inisiatif di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Program anjuran bersama AEON Co. (M) Bhd ini berlangsung selama tiga hari bermula hari ini sehingga 12 Mac 2023.

2. Menurut YB Menteri, objektif utama penganjuran program ini adalah untuk meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat melalui platform yang lebih santai. Melalui program ini juga, masyarakat berpeluang mempelajari dan memahami keunikan dan kepelbagaian adat, budaya, dan kaum. Ini juga merupakan salah satu pendekatan Kementerian dalam meneroka tapak integrasi nasional di mana rakyat dapat berinteraksi antara satu sama lain dan mencipta *feel good factor*. Selain elemen kepelbagaian budaya, segmen kenegaraan yang menerapkan semangat patriotisme turut disusun sepanjang program berlangsung.

3. Antara pengisian utama program ini adalah:

**i. Panel *Moment of Unity***

Pameran panel yang memaparkan detik-detik perpaduan serta kepelbagaian adat dan budaya masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

**ii. Persembahan Kebudayaan Pelbagai Etnik**

Persembahan yang mengetengahkan kebudayaan tradisional pelbagai etnik.

**iii. Pameran Rumah KAMI**

Pameran yang menawarkan maklumat berkaitan pakaian, makanan dan sukan rakyat pelbagai etnik termasuklah masyarakat Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak.

#### **iv. Pameran Agensi**

- a. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional - Pameran produk komuniti KRT
- b. Jabatan Muzium Malaysia - Pameran buku-buku koleksi terbitan JMM, permainan Serak Lidi, Tudung Botol dan Tuju Getah.
- c. Perpustakaan Negara Malaysia – Roda Ilmu dan U-Pustaka
- d. Arkib Negara Malaysia – Kuiz Kemerdekaan dan Pameran Kemashyuran Kemerdekaan

4. Datuk Aaron berharap agar program seumpama ini dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat khususnya untuk mengenali, memahami dan menghormati keunikan setiap etnik di Malaysia.

#### **Kementerian Perpaduan Negara**

10 Mac 2023

-TAMAT-

#### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

#### **Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (6)